**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI**
***DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION***
Jabatan Pendidikan Tinggi
*Department of Higher Education*
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88706381
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: http://jpt.mohe.gov.my
(Official Portal)

Ruj. Kami : JPT.S(A)2000/016/015/04 Jld.4 ( 8 )
Tarikh : 30 Ogos 2017

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

YABhg. Tun Dato' Seri/YB Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri/YBhg. Tan Sri Dato' Seri Prof. Emeritus Dr./YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr./YBhg. Tan Sri Datuk Ir. Dr./YBhg. Tan Sri Dato' Prof./YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr./YBhg. Tan Sri Dato' Ir./YBhg. Tan Sri Dato' Dr./YBhg. Tan Sri Dr./YBhg. Tan Sri/YBhg. Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr./YBhg. Datuk Dr./YBhg. Dato' Prof. Emeritus Ir. Dr./YBhg. Dato',

**PENGEMASKINIAN MAKLUMAT BIDANG TUJAHAN UNIVERSITI AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang pihak YABhg. Tun Dato' Seri/YB Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri/YBhg. Tan Sri Dato' Seri Prof. Emeritus Dr./YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr./YBhg. Tan Sri Datuk Ir. Dr./YBhg. Tan Sri Dato' Prof./YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr./YBhg. Tan Sri Dato' Ir./YBhg. Tan Sri Dato' Dr./YBhg. Tan Sri Dr./YBhg. Tan Sri/YBhg. Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr./YBhg. Datuk Dr./YBhg. Dato' Prof. Emeritus Ir. Dr./YBhg. Dato' sedia maklum, semua Universiti Awam (UA) hendaklah memastikan supaya program akademik yang ditawarkan menepati bidang tujahan seperti yang terkandung di dalam Perintah Pemerbadanan Penubuhan Universiti Awam. Walau bagaimanapun, atas faktor keupayaan dan kepakaran semasa UA, didapati bahawa terdapat perubahan bidang tujahan UA. Oleh yang demikian, pihak UA dipohon supaya menyemak dan mengesahkan maklumat bidang tujahan seperti yang dilampirkan. Semua UA juga dipohon supaya memaklumkan kepada pihak JPT jika terdapat sebarang pindaan terhadap bidang tujahan tersebut beserta dengan dokumen kelulusan pertambahan atau pindaan bidang tujahan tambahan / baharu tersebut.

3. Merujuk kepada Nota Perbincangan Mesyuarat Pasca Kabinet Bilangan 20 Tahun 2017 bertarikh 23 Ogos 2017, semua UA juga disarankan supaya **memuatnaik maklumat berkenaan bidang tujahan UA** (dalam bentuk infografik/poster) ke laman sesawang portal rasmi UA masing-masing bagi tujuan makluman dan promosi.

4. Sehubungan itu, bersama-sama ini dikemukakan senarai Bidang Tujahan Universiti Awam untuk makluman YABhg. Tun Dato' Seri/YB Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri/YBhg. Tan Sri Dato' Seri Prof. Emeritus Dr./YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr./YBhg. Tan Sri Datuk Ir. Dr./YBhg. Tan Sri Dato' Prof./YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr./YBhg. Tan Sri Dato' Ir./YBhg. Tan Sri Dato' Dr./YBhg. Tan Sri Dr./YBhg. Tan Sri/YBhg. Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr./YBhg. Datuk Dr./YBhg. Dato' Prof. Emeritus Ir. Dr./YBhg. Dato'.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATIN PADUKA IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR)**
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi

**s.k. :**

1. KSU KPT
2. TKPPT (A)
3. Fail

| UNIVERSITI AWAM (UA) | BIDANG TUJAHAN MENGIKUT PERINTAH PEMERBADANAN/PENUBUHAN UNIVERSITI AWAM | BIDANG TUJAHAN TERKINI BERDASARKAN MAKLUMAT UA (terkini) |
|---|---|---|
| Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) | *Arts and humanities, sciences and technologies* | *Islamisation of Knowledge : Halal Product and Services & Islamic Banking and Finance; Science and Technology* dan *Social Sciences* |